



## **BAB ENAM**

### **PENUTUP**

#### **6.1. Pendahuluan**

Dalam bab ini penulis akan menganalisa dengan membuat perbandingan antara Fiqh Islam dengan apa yang diamalkan dalam undang-undang iaitu berdasarkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (AUKIWP) 1984 (Akta 303). Di sini penulis akan mengemukakan persamaan dan perbezaan antara keduanya. Dalam bab ini juga penulis membuat saranan hasil daripada kajian dan kesimpulan keseluruhan kajian.

#### **6.2. Kesimpulan**

Kajian pembubaran perkahwinan ini dibuat daripada dua perspektif iaitu berdasarkan peruntukan fiqh daripada mazhab Ḥanafī, Mālikī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī. Yang kedua berdasarkan AUKIWP 1984 (Akta 303) yang diterima pakai di Wilayah Persekutuan.

Setelah melakukan kajian dengan agak mendalam maka dapat diberi kesimpulan bahawa peruntukan akta mempunyai banyak persamaan dengan apa yang telah digariskan oleh ulama'-ulama' muktabar. Peruntukan pembubaran perkahwinan merupakan salah satu peruntukan untuk memberi perlindungan bagi golongan wanita terutamanya.

Peruntukan dalam akta tidak terikat dengan mana-mana mazhab tetapi mengambil mana-mana pendapat ulama' yang lebih tinggi kemaslahatan kepada masyarakat. Ini dapat dibuktikan dengan mengambil semua pendapat ulama'

terutama daripada pendapat Imam Mālik. Ini menunjukkan sifat keterbukaan penggubal akta tanpa terikat dengan mana-mazaab.

Peruntukan fasakh di dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) meliputi seluruh bentuk *darar* di dalam perkahwinan. Perlindungan hak yang menyeluruh kepada wanita daripada aspek zahir, batin, fizikal, spiritual dan mental diberi peruntukan. Akta ini juga berjaya meluaskan makna *darar* di dalam perkahwinan. Tujuan utama peruntukan fasakh adalah untuk menghindarkan sebarang kemudaratan yang dialami oleh isteri.

Dari segi perlaksanaan juga, tidak ada bezanya kerana pihak isteri selaku pengadu perlu membuktikan kemudaratan yang dialami akibat tindakan suami mesti melampaui had keraguan munasabah. Ini memerlukan pembuktian yang agak keras dan terperinci bukan setakat terima aduan sebelah pihak tanpa dipanggil pihak yang satu lagi. Pembuktian perlulah kepada keterangan saksi yang diperakui, dokumen-dokumen berkenaan atau melalui sumpah *syar'ī* bagi membuktikan dakwaan. Tanpa pembuktian yang kuat kes fasakh tidak dapat disabitkan.

Akta ini lebih menitikberatkan tuntutan fasakh daripada pihak wanita tanpa memperuntukkan hak fasakh yang boleh dilakukan oleh suami. Ini berpandukan kepada pendapat mazhab Ḥanafi bahawa hak fasakh untuk isteri sahaja kerana suami telah diberi hak talak.

Setelah dilakukan perbahasan dan penelitian secara menyeluruh ternyata peruntukan cerai fasakh yang diterima pakai dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) adalah bertepatan dan tidak bercanggah dengan peruntukan fiqh Islam. Walaupun

terdapat sedikit penambahan tetapi penambahan itu tidak bercanggah dengan peruntukan syarak. Penambahan yang dilakukan semata-mata untuk mendatangkan lagi banyak kemaslahatan dan menghindarkan sebarang kemudaratan. Ini bersesuaian dengan sabda rasulullah s.a.w. yang berbunyi: (يَعْلَمُ بِمَا فِي الْأَنْفُسِ وَلَا يُؤْذَنُ لِلنَّاسِ أَنْ يَعْلَمُوا مَا فِي أَنْفُسِهِمْ) yang bermaksud tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh bertindak balas dengan kemudaratan.

Sebagaimana peruntukan akta pembubaran perkahwinan kerana *darar* begitulah juga peruntukan pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq*. Di mana setiap pasangan yang bersengketa akan menjalani proses khidmat nasihat kaunseling oleh UPPK JAWI yang bertindak sebagai badan pendamai. Setelah gagal mendamaikan pasangan tersebut barulah kes *syiqāq* dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan melalui perlantikan dua orang *hakam* oleh mahkamah.

Walaupun pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq* diperuntukkan di dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) namun tiada kes yang berlaku. Penulis percaya, ianya tidak berlaku adalah kerana perjalanan kes melalui orang tengah iaitu *hakam* memerlukan masa yang lebih lama jika dibandingkan dengan kes-kes yang lain sebagaimana yang telah disebut sebelum ini.

### 6.3. Saranan

Berikutnya, penulis akan membuat saranan kepada pihak-pihak tertentu agar sedar dan peka terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka bagi mencegah berlakunya penganiayaan, perselisihan dan perceraian antara suami dan isteri dalam rumah tangga.

### **6.3.1. Suami**

- i) Tunaikan kewajipan terhadap isteri dan rumah tangga dengan sempurna kerana ia adalah amanah Allah yang akan dipersoalkan.
- ii) Kelebihan yang Allah berikan bukanlah tiket untuk suami menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenangnya sehingga boleh menimbulkan penganiayaan kepada isteri dan keluarga.
- iii) Seharusnya rumah tangga dibina di atas dasar kasih sayang dan keinsafan di atas amanah yang dipertanggungjawabkan ke arah membentuk keluarga harmoni.
- iv) Kefahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam adalah satu jalan untuk membina asas rumah tangga yang harmoni kerana ketiauan kepada ajaran Islam akan menimbulkan rasa bersalah apabila pengabaian tanggungjawab berlaku.
- v) Selalulah mempelajari ilmu agama kerana ia akan menunjukkan jalan yang lurus dan menenangkan fikiran.
- vi) Hendaklah mengetahui tanggungjawab yang penting bagi seseorang suami terhadap isteri antaranya :
  - Hendaklah suami mengawal isterinya dengan baik dan menjalankan keadilan terhadapnya, sebab isteri adalah amanah Allah s.w.t. yang diserahkan kepadanya.
  - Menyempurnakan nafkah perbelanjaan mengikut yang sepatutnya.
  - Memberi pengetahuan dan pengajaran hukum Islam di dalam hal-hal fardu ain kepada isteri.
  - Memberi layanan yang baik dan menunjukkan budi pekerti yang mulia terhadapnya.

- Berlaku adil di antara isteri-isteri sekiranya suaminya berpoligami.

### 6.3.2. Isteri

- i) Seelok-eloknya dalam memilih pasangan hidup, pilihlah yang mempunyai akhlak yang baik dan keimanan bukan berdasarkan rupa paras, harta benda, kuasa, jawatan dan pangkat.
- ii) Si isteri sewajarnya menyediakan diri dengan asas-asas ilmu rumahtangga yang baik serta mampu menangani masalah rumahtangga dengan tenang dan mencari jalan penyelesaian yang baik.
- iii) Seorang isteri mestilah mengetahui hak-haknya dalam perkahwinan supaya suami tidak mengambil kesempatan di atas kejahilan dan kelemahan yang akan melahirkan kemudaratian.
- iv) Wanita atau isteri mestilah mengetahui tentang peruntukan yang melindungi kepentingan mereka di dalam Undang-undang Keluarga dan Akta Keganasan Rumahtangga.
- v) Selalulah berjumpa dengan orang alim dan berkeahlian apabila berlaku sebarang permasalahan dan kemosykilan supaya sebarang masalah dapat diatasi di peringkat awal.
- vi) Wanita atau isteri seharusnya mengorak langkah dan tidak rasa malu untuk mengemukakan masalah mereka jika ingin mengubah nasib mereka.
- vii) Fahami dan laksanakan tanggungjawab isteri terhadap suami, antaranya ialah :
  - Memberi layanan dan taat setia kepada suaminya.
  - Memelihara kesucian diri setiap masa.

- Jangan membuat perkara yang besar atau mustahak tanpa keizinan suaminya.
- Wajib menyempurnakan kemahuan suami yang halal pada bila-bila masa.
- Sentiasa menunjukkan perasaan yang baik dan menghormati suami.

#### **6.3.3. Ibu Bapa**

- i) Didiklah anak-anak supaya menjadi insan yang berguna kepada keluarga, bangsa, agama dan negara.
- ii) Sentiasa menerapkan nilai kasih sayang dan hormat menghormati sesama manusia.
- iii) Mencarikan pasangan untuk anak-anak yang layak berkahwin dengan pasangan yang mengikut neraca iman bukan kebendaan dan kemewahan.
- iv) Sentiasa memberi bimbingan, nasihat, teguran dan tunjuk ajar apabila perlu walaupun mereka telah berumahtangga.
- v) Jangan terlalu masuk campur dalam urusan rumahtangga dan anak-anak kerana mungkin campur tangan ibu bapa menyemarakkan lagi perselisihan dan pertelingkahan mereka.

#### **6.3.4. Jabatan Agama**

- i) Mengatur dan menyediakan program yang berterusan yang boleh membentuk sebuah keluarga yang harmoni.
- ii) Menyediakan ruang aduan masalah yang lebih efisyen dengan pegawai yang terlatih bagi mendengar dan seboleh-bolehnya menyelesaikan masalah rumahtangga yang mereka hadapi di peringkat awal.

- iii) Meningkatkan kempen kesedaran terhadap masyarakat, peranan membentuk keluarga yang harmoni berteraskan Islam melalui khutbah Jumaat atau bahan bercetak.
- iv) Mengkaji semula keberkesanannya terhadap kursus-kursus pra-perkahwinan dari masa ke semasa supaya pengisian kursus benar-benar memberi *input* amat berguna bagi setiap pasangan yang akan mendirikan rumahtangga.

#### **6.3.5. Media Massa**

- i) Media massa dan elektronik mempunyai pengaruh yang besar untuk menghidupkan sebuah masyarakat penyayang.
- ii) Sentiasa meningkatkan kempen kesedaran ke arah mewujudkan masyarakat penyayang.
- iii) Memberi maklumat dan pengetahuan yang berkaitan ilmu kekeluargaan dan cara menghadapi masalah rumahtangga.
- iv) Mengurangkan tayangan filem yang melalaikan dan menghairahkan kerana ia akan mempengaruhi masyarakat ke arah hidup yang tidak baik.
- v) Menerangkan maklumat agama dan undang-undang yang melindungi wanita supaya mereka mengetahui hak mereka di sisi agama dan undang-undang.

#### **6.3.6. Mahkamah**

- i) Kewibawaan mahkamah dapat dipertingkatkan terutama dari segi struktur pentadbiran supaya lebih cekap dan berkesan dalam pengurusan.
- ii) Sentiasa berusaha memberi perkhidmatan yang cekap dan terbaik terutama dalam penghakiman supaya kredibiliti Mahkamah Syariah berjaya diserlahkan.

### **6.3.7. Lain-lain**

- i) Kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semula sukanan pelajaran agama dan akhlak yang dilalui oleh setiap pelajar mengenai keberkesanan dan pengalaman dalam kehidupan masyarakat hari ini.
- ii) Masyarakat mestilah prihatin dan tolong-menolong bagi sama-sama mengurangkan sebarang bentuk keganasan dan penganiayaan dalam rumahtangga.
- iii) Pemuda-pemuda harapan bangsa dan agama perlu menguasai ilmu agama sedalam mungkin selain daripada ilmu-ilmu keduniaan kerana ilmu agamalah akan mencorak keperibadian dan menjadi insan yang bertanggungjawab.
- iv) Kerajaan semestinya mula mengorak langkah ke arah perlaksanaan Islam yang lebih menyeluruh dalam kehidupan.